PENTAKSIRAN AKHIR TAHUN 2021
BAHASA MELAYU TAHUN 2
SJK (C) CHUNG SAN MIRI

A. Lengkapkan ayat.

kamu	restoran	Sarawak	menggosok

1. Keluarga Guan Hong makan malam di _____.
2. Datuk dan nenek berasal dari _____.
3. Apakah pekerjaan ibu _____, Siti?
4. Ibu _____ pakaian dengan berhati-hati.



B. Padankan kata adjektif yang betul.

5. Gelung rotan yang berbentuk _____ tersusun kemas di dalam bilik sukan.
6. Ibu mencuci sayur-sayuran _____ sebelum memasaknya.
7. Meja dan kerusi di dalam kelas disusun dengan _____.

kemas
hijau
bulat

C. Pilih jawapan yang betul.

8. Sing Ling berdiri _____ menyiram pokok bunga.
9. Lampu isyarat terdiri _____ warna merah, kuning dan hijau.

LIVEWORKSHEETS

10. Tiang lampu itu dipasang di _____ jalan raya.

11. Vimala selalu _____ sapa dengan jirannya.

12. Mak Cik memberi Sandra beberapa _____ buah limau.

13. Amirah menghantar _____ ke bilik guru.



14. Batang-batang aiskrim itu diwarnakan dengan _____ yang menarik.

D. Tandakan (√) pada ayat tanya yang betul berdasarkan jawapan.

15. Kamu membaca buku apa?	
Siapakah yang membaca buku itu?	

Jawapan: Saya membaca buku tentang sejarah negara.

E. Tandakan (√) pada ayat perintah yang betul berdasarkan gambar.



16. Harap simpan wang baki di dalam tabung.	
Sila bawa bekal ke sekolah.	


LIVEWORKSHEETS

F. Baca dan fahami petikan. Kemudian, pilih jawapan yang betul.

Ayah Zhi Ying mempunyai sebuah kedai jam. Nama kedai jam beliau ialah Kedai Jam Tik Tok.

Pelanggan suka membeli jam di kedai itu. Ayah Zhi Ying melayan mereka dengan mesranya. Ayah Zhi Ying juga sangat mahir membaiki jam. Selain itu, terdapat pelbagai jenis jam yang dijual di kedai itu. Harganya pula berpatutan.

Ayah Zhi Ying sangat rajin. Beliau sentiasa berusaha untuk memajukan kedai jamnya. Perniagaannya semakin maju.



17.	**Siapakah mempunyai sebuah kedai jam?**	
	Ayah Zhi Ying mempunyai sebuah kedai jam.	
	Zhi Ying mempunyai sebuah kedai jam.	

18.	**Apakah nama kedai jam tangan itu?**	
	Nama kedai jam tangan itu ialah Kedai Jam Tik Tok.	
	Nama kedai jam tangan itu ialah Kedai Zhi Ying.	

19.	**Bagaimanakah ayah Zhi Ying melayan pelanggan?**	
	Ayah Zhi Ying melayan pelanggan dengan muka masam.	
	Ayah Zhi Ying melayan pelanggan dengan mesranya.	

20.	**Mengapakah perniagaan ayah Zhi Ying semakin maju?**	
	Perniagaan ayah Zhi Ying semakin maju kerana ayahnya sangat rajin dan sentiasa berusaha untuk memajukan kedai jamnya.	
	Perniagaan ayah Zhi Ying semakin maju kerana semua jam dijual dengan harga murah.	

LIVEWORKSHEETS